

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM
(SEPUTEH)**

TARIKH : 7 MAC 2016 (ISNIN)

SOALAN :

**PUAN TERESA KOK SUH SIM (SEPUTEH) minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan:-**

- (a) Kategori bantuan kebajikan yang diberi kepada warga miskin; dan
- (b) Penerima bantuan kebajikan mengikut pecahan negeri pada tahun 2015.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan perkhidmatan bantuan kebajikan bagi memastikan mereka yang miskin dan memerlukan seperti kanak-kanak, warga emas, ibu tunggal dan orang kurang upaya dapat dibantu melalui pelbagai skim bantuan yang disediakan.

Skim bantuan bulanan yang disediakan oleh JKJ mengikut kategori dan kadar bantuan adalah seperti berikut:

1. Bantuan Kanak-Kanak (BKK)

Kadarnya ialah RM100.00 sebulan untuk seorang kanak-kanak dan maksimum RM450.00 sebulan sekeluarga;

2. Bantuan Orang Tua (BOT)

Kadar skim bantuan ini adalah sebanyak RM300.00 sebulan seorang.

3. **Elaun Pekerja Cacat (EPC)**

Kadar skim bantuan ini adalah sebanyak RM350.00 sebulan seorang.

4. **Bantuan Anak Pelihara (BAP)**

Kadar bantuan adalah sebanyak RM250 sebulan seorang kanak-kanak dan maksimum RM500.00 sebulan sekeluarga yang memelihara dua orang kanak-kanak atau lebih.

5. **Bantuan Penjagaan OKU Terlantar dan Pesakit Kronik Terlantar (BPT)**

Kadar bantuan adalah sebanyak RM300.00 sebulan seorang.

6. **Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB)**

Kadar bantuan adalah sebanyak RM200.00 sebulan.

7. **Bantuan Alat Tiruan / Alat Sokongan (BAT)**

Kadar untuk bantuan ini adalah mengikut harga sebenar alat tiruan atau alat sokongan seperti kaki palsu, tangan palsu, kalipers, tongkat tangan/ketiak, kerusi roda, alat pendengaran, cermin mata khas dan

lain-lain peralatan yang bersesuaian yang disyorkan oleh pegawai perubatan atau pakar perubatan.

8. **Bantuan Geran Pelancaran (BGP)**

Kadar maksimum bantuan ini sebanyak RM2,700.00 sekaligus.

9. **Bantuan Latihan Perantis (BLP)**

Kadar bantuan ini sebanyak RM200.00 sebulan seorang dalam tempoh 6 bulan kelulusan yang pertama atau mengikut tamat tempoh latihan yang dihadiri.

10. **Bantuan Am (BA) Persekutuan**

Kadar minimum bantuan ini sebanyak RM100.00 dan kadar maksimum sebanyak RM350.00 sebulan sekeluarga.

Jumlah penerima bantuan kebajikan mengikut pecahan negeri bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

**STATISTIK BANTUAN SEHINGGA DISEMBER 2015 MENGIKUT
NEGERI**

Negeri	2015	
	Bil. Kes	RM
Johor	48,316	157,186,418
Kedah	39,032	125,270,840
Kelantan	42,159	121,345,161
Melaka	27,782	91,746,882
Negeri Sembilan	28,109	84,555,744
Pahang	28,511	97,775,949
Perak	37,267	120,642,820
Perlis	10,223	24,651,736
Pulau Pinang	18,971	68,319,783
Sabah	57,283	178,628,827
Sarawak	57,187	173,570,012
Selangor	40,727	130,147,968
Terengganu	35,864	105,294,790
W.P. Kuala Lumpur	14,926	47,923,229
W.P. Labuan	828	2,540,470
Jumlah	487,185	1,529,600,629